



KETUA PENGARAH PELAJARAN MALAYSIA

Director General of Education Malaysia

ARAS 8, BLOK E8

Level 8, Block E8

KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E

Government Complex Parcel E

PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

Federal Government Administrative Centre

62604 PUTRAJAYA



**KEMENTERIAN
PENDIDIKAN
MALAYSIA**

Tel: 03-8884 6077

Faks: 03-8889 4548

Laman Web: www.moe.gov.my

KP/KPPM/6 Jld. 2 (25)

Tarikh: 30 Disember 2016

**Semua Ketua Bahagian
Semua Pengarah Pendidikan Negeri**

YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

***SURAT PEKELILING IKHTISAS KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
BILANGAN 12 TAHUN 2016***

**PENUKARAN TEKS KOMPONEN SASTERA (KOMSAS) DALAM MATA
PELAJARAN BAHASA INGGERIS TINGKATAN 3 MULAI TAHUN 2017**

TUJUAN

1. Surat pekeliling ikhtisas ini dikeluarkan bagi tujuan memaklumkan kepada semua sekolah menengah tentang penukaran teks novel dan puisi dalam komponen sastera (KOMSAS) bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris Tingkatan 3 mulai tahun 2017.

LATAR BELAKANG

2. KOMSAS telah diperkenalkan dalam kurikulum sekolah menengah sejak tahun 2000 (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 4 Tahun 2000, bertarikh 18 Februari 2000 dan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 5 Tahun 2000, bertarikh 23 Februari 2000). Pengajaran dan pembelajaran (PdP) KOMSAS dalam mata pelajaran Bahasa Inggeris bertujuan untuk memupuk dan meningkatkan minat membaca dalam kalangan murid serta memperkukuh kemahiran

berbahasa, iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Di samping itu, PdP menggunakan bahan KOMSAS akan dapat menyumbang kepada pembentukan sahsiah, peluasan pengetahuan dan persepsi murid serta peningkatan kefahaman dan kesedaran mereka tentang kemanusiaan, kemasyarakatan dan kebudayaan.

3. Penggunaan teks KOMSAS sekolah menengah adalah sebagai bahan dalam PdP Bahasa Inggeris dan disesuaikan mengikut kemahiran yang terkandung dalam kurikulum semasa.

PELAKSANAAN

4. Penggunaan teks baharu KOMSAS Bahasa Inggeris bagi Tingkatan 3 hendaklah dilaksanakan di sekolah menengah mulai bulan Januari tahun 2017 seperti berikut:

Genre	Pelaksanaan
Novel	Murid perlu mempelajari satu judul novel daripada tiga judul yang ditetapkan mengikut zon.
Puisi	Murid perlu mempelajari dua puisi dalam antologi yang ditetapkan.

5. Judul novel mengikut zon dan tajuk puisi adalah seperti dalam Lampiran 1.

Skim Pinjaman Buku Teks

6. Pengagihan novel mengikut zon dan antologi puisi adalah tertakluk di bawah pengurusan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT).

TARIKH KUAT KUASA

7. Surat pekeliling ikhtisas ini berkuat kuasa pada tarikh surat pekeliling ini dikeluarkan.

PEMBATALAN

8. Dengan berkuatkuasanya surat pekeliling ikhtisas ini, maka Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 13, Tahun 2011 bertarikh 11 November 2011 dibatalkan.

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

9. YBhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan dimohon untuk memaklumkan kandungan surat pekeliling ikhtisas ini kepada pegawai yang bertanggungjawab di bahagian, jabatan pendidikan negeri, pejabat pendidikan daerah dan pengetua di bawah pentadbiran YBhg. Datuk/Datin/tuan/puan.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



(TAN SRI DR. KHAIR BIN MOHAMAD YUSOF)
Ketua Pendaftar Institusi Pendidikan dan Guru
merangkap Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia

s.k.:

- 1. YB Menteri Pendidikan Malaysia**
- 2. YB Timbalan Menteri Pendidikan I**
- 3. YB Timbalan Menteri Pendidikan II**
- 4. Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 5. Timbalan-Timbalan Ketua Setiausaha
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 6. Timbalan-Timbalan Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 7. Rektor
Institut Pendidikan Guru Malaysia**
- 8. Ketua Nazir Sekolah
Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti**
- 9. Penasihat Undang-Undang
Kementerian Pendidikan Malaysia**
- 10. Pegawai Perhubungan Awam
Kementerian Pendidikan Malaysia**

JUDUL NOVEL DAN PUISI TEKS KOMPONEN SASTERA (KOMSAS) DALAM MATA PELAJARAN BAHASA INGGERIS TINGKATAN 3

1. NOVEL

Semua murid Tingkatan 3 akan mempelajari novel yang telah ditetapkan mengikut zon seperti yang berikut:

BIL	NOVEL	ZON
1	The Elephant Man Form 3	Zon 1 Perlis, Kedah, Selangor, WP Kuala Lumpur, WP Putrajaya, Negeri Sembilan, Melaka
2	We Didn't Mean to Go to Sea Form 3	Zon 2 Pulau Pinang, Perak, Terengganu, Kelantan
3	Moby Dick Form 3	Zon 3 Johor, Pahang, Sarawak, Sabah, WP Labuan

2. PUISI

Semua murid Tingkatan 3 akan mempelajari puisi yang disenaraikan seperti berikut:

TAJUK ANTOLOGI	PUISI YANG WAJIB DIPELAJARI	PENULIS
Poetry For Pleasure- Selected by Sadler & Hayllar	<ul style="list-style-type: none"> • Poisoned Talk • The Day the Bulldozers Came 	<ul style="list-style-type: none"> • Raymond Wilson • David Orme